

KEUNGGULAN UNSUR FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DALAM PUISI TRADISIONAL MELAYU KOMSAS

NORDIANA BINTI AB. JABAR

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH KEDOKTORAN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

Kajian ini bertujuan menjelaskan keunggulan unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam 30 buah puisi tradisional Komponen Sastera (KOMSAS). Kumpulan teks KOMSAS yang terlibat dalam kajian ini ialah *Kasut kelopak Jantung* (Tingkatan Satu), *Gema Sepi Gadis Genius* (Tingkatan Dua), *Harga Sebuah Lukisan* (Tingkatan Tiga), *Harga Remaja* (Tingkatan Empat) dan *Dirgahayu Bahasaku* (Tingkatan Lima). 30 buah puisi tradisional yang terlibat ialah 15 buah pantun, 11 buah syair, dua buah gurindam dan dua buah seloka. Kaedah kualitatif digunakan iaitu mengkaji teks-teks KOMSAS yang terlibat dengan mengaplikasikan teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian. Tiga objektif utama kajian; iaitu menilai keunggulan 15 unsur FPK yang terdapat dalam 30 buah puisi tradisional teks KOMSAS. Membuktikan wujudnya hubungan unsur-unsur pendidikan yang terdapat dalam FPK dengan Puisi Tradisional Melayu KOMSAS dan menganalisis tahap kerelevanannya 30 buah puisi tradisional Melayu dalam teks KOMSAS. Tiga dapatan kajian menunjukkan kewujudan lima belas unsur FPK terdapat dalam 30 puluh buah puisi tradisional melalui asas pertama teori teksdealisme iaitu prinsip kehadiran. Kedua, proses pengekalan dan perubahan tema membuktikan puisi tradisional teks KOMSAS relevan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Ketiga, Citra masyarakat dan elemen pendidikan saling berkaitan dengan unsur FPK. Implikasinya, penerapan FPK melahirkan keseimbangan insan dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui puisi tradisional KOMSAS.

THE EXCELLENT OF NATIONAL EDUCATION PHILOSOPHY ELEMENTS IN KOMSAS TRADITIONAL POETRY

ABSTRACT

The study intends to into the element of National Education Philosophy (NEP) that exists in thirty traditional poems that are taken from the KOMSAS literay text. There were five KOMSAS text used in this study which includes ‘Kasut Kelopak Jantung’ (Form One), ‘Gema Sepi Gadis Genius’ (Form Two), ‘Harga Sebuah Lukisan’ (Form Three), ‘Harga Remaja’ (Form Four), and ‘Dirgahayu Bahasaku’ (Form Five). Meanwhile, Thirty traditional poems that were collected from five text are fifteen sets of quatrains, eleven sets of poems, two sets of couplet and two sets of stanza. Qualitative method was used to study these KOMSAS texts that involved and it was applied with Textdealism theory through principles of existence, violation, inauguration and. There are three main research objectives; assessing the importance of 15 element available in 30 traditional poem texts in KOMSAS, proving the existence of the relationship in between education elements that consist in NEP with Malay Traditional Poetry KOMSAS, and to analyze the relevant level of 30 set traditional poetry in KOMSAS. It was interesting to found that the existence of 15 elements of NEP in the 30 sets of traditional poetry was throughout appearance principle which is the first basic theory of ‘teksdealisme’. Furthermore, amendment and remain process was proven that traditional poetry KOMSAS texts should be relevant as teaching and learning material. Lastly, the local society and education element was correlated with the NEP elements. As a consequences, application of NEP produced equilibrium in humanity with considering few perspectives such as physical, emotion, faith and intellectual through traditional poetry of KOMSAS.

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Batasan Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Definisi konsep	
1.8.1	Definisi Falsafah	14
1.8.2	Definisi Pendidikan	17
1.8.3	Pendidikan dari Sudut Bahasa	18

	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi
1.8.4	Pendidikan dari Sudut Cirinya								20
1.8.5	Pendidikan dari Sudut Proses								21
1.8.6	Definisi Falsafah Pendidikan								22
1.8.7	Definisi Falsafah Pendidikan Kebangsaan								23
1.8.8	Definisi Puisi Tradisional								26
1.8.9	Definisi Pantun								30
1.8.10	Definisi Syair								37
1.8.11	Definisi Gurindam								38
1.8.12	Definisi Seloka								40
1.8.13	Definisi KOMSAS								41
1.9	Kaedah Kajian								43
1.10	Kesimpulan								47

BAB 2		05-4506832		TINJAUAN LITERATUR		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi
2.1	Pengenalan									51
2.2	Kajian Lepas Falsafah Pendidikan Kebangsaan									52
2.3	Kajian Lepas Teks KOMSAS									67
2.3.1	Kajian Peringkat Doktor Falsafah Tentang KOMSAS									69
2.3.2	Kajian Peringkat Ijazah Sarjana Tentang KOMSAS									74
2.3.3	Kajian Jurnal, Artikel, Buku dan Lain-lain tentang KOMSAS									86
2.4	Kajian Lepas Teori Teksdealisme									88
2.4.1	Kajian Peringkat Ijazah Sarjana Tentang Teori Teksdealisme									89
2.5	Kajian Tentang Puisi Tradisional									94

2.6 Kesimpulan

105

BAB 3**TEORI TEKSDEALISME**

3.1	Pengenalan	106
3.2	Prinsip-Prinsip Teori Teksdealisme	118
3.2.1	Prinsip Kehadiran	120
3.2.2	Prinsip Perlanggaran	131
3.2.3	Prinsip Pengukuhan	137
3.2.4	Prinsip Individualisme/Keperibadian	142
3.3	Kesimpulan	146

BAB 4**KEHADIRAN UNSUR FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DALAM PUISI TRADISIONAL**

4.1	Pengenalan	149
4.2	Pendidikan Berterusan	153
4.3	Potensi individu	163
4.4	Perkembangan Potensi Individu menyeluruh	170
4.5	Insan Seimbang dan Harmonis	182
4.6	Unsur Intelek	196
4.7	Unsur Rohani	202
4.8	Unsur Emosi	208
4.9	Unsur Jasmani	217
4.10	Kepercayaan dan Kepatuhan Kepada Tuhan	224

	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi	238
4.11	Rakyat Malaysia yang Berilmu									
4.12	Rakyat Malaysia yang Berketerampilan									247
4.13	Rakyat Malaysia yang Berakhhlak Mulia									253
4.14	Rakyat Malaysia yang Bertanggungjawab									266
4.15	Rakyat Malaysia yang Berkeupayaan Mencapai Kesejahteraan Diri									274
4.16	Rakyat Malaysia yang Dapat Memberi Sumbangan Terhadap Keharmonian dan Kemakmuran									288
4.17	Kesimpulan									295

BAB 5**PRINSIP PELANGGARAN, PENGUKUHAN DAN KEPERIBADIAN
UNSUR FPK DALAM PUISI TRADISIONAL KOMSAS**

	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi	300
5.1	Pengenalan									
5.2	Prinsip Perlanggaran Unsur FPK Melalui Tema									302
5.2.1	Pantun									303
5.2.2	Syair									323
5.2.3	Gurindam									352
5.2.4	Seloka									356
5.2.5	Kesimpulan									361
5.3	Prinsip Pengukuhan Unsur FPK Melalui Nilai Murni									364
5.3.1	Berdikari									367
5.3.2	Baik Hati									368
5.3.3	Hormat-Menghormati									369
5.3.4	Kasih Sayang									371

5.3.5 Keberanian	372
5.3.6 Kejujuran	374
5.3.7 Kerjasama	375
5.3.8 Semangat Bermasyarakat	377
5.3.9 Keadilan	378
5.3.10 Kerajinan	380
5.3.11 Kesimpulan	381
5.4 Prinsip Keperibadian Masyarakat dalam Puisi Tradisional KOMSAS	382
5.4.1 Masyarakat yang Sopan Santun	384
5.4.2 Masyarakat yang Memberi Nasihat	387
5.4.3 Masyarakat yang Bersatu Padu	390
5.4.4 Masyarakat yang Berilmu	392
5.4.5 Masyarakat yang Beradat Resam	396
5.4.6 Kesimpulan	400

BAB 6**PENUTUP**

6.1 Pengenalan	403
6.2 Cadangan	409
6.3 Kesimpulan	411

RUJUKAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

LAMPIRAN A**LAMPIRAN B****LAMPIRAN C****LAMPIRAN D****LAMPIRAN E**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

No Rajah	Muka Surat
1.0 Unsur-unsur dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan	23
1.1 Konsepsi kajian	50
3.0 Prinsip teori teksdealisme	119
3.1 Kerangka Teori	148
4.0 Konsep Pendidikan Sepanjang Hayat	154
4.1 Kehadiran Unsur FPK Pendidikan Sepanjang Hayat dalam Puisi tradisional Melayu KOMSAS	162
4.2 Konsep Potensi Individu	163
4.3 Potensi Individu	166
4.4 Kehadiran unsur FPK Potensi Individu dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS	170
4.5 Aliran Potensi Menyeluruh dan Bersepada	172
4.6 Kehadiran unsur Potensi Individu dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS	181
4.7 Kehadiran Insan Seimbang dan Harmonis dalam Puisi Melayu Tradisional KOMSAS	183
4.8 Kehadiran Unsur Intelek dalam Puisi Melayu Tradisional KOMSAS	196
4.9 Kehadiran Unsur Rohani dalam Puisi Tradisional KOMSAS	202
4.10 Kehadiran Unsur Emosi dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS	209
4.11 Kehadiran Unsur Jasmani dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS	217
4.12 Unsur Kepercayaan dan Kepatuhan Kepada Tuhan	226

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.13	Unsur Rakyat Malaysia yang Berilmu			239	
4.14	Unsur Rakyat Malaysia yang Berketerampilan			247	
4.15	Unsur Rakyat Malaysia yang Berakhhlak Mulia			254	
4.16	Unsur Rakyat Malaysia yang Bertanggungjawab			265	
4.17	Unsur Rakyat Malaysia yang Berkeupayaan Mencapai Kesejahteraan Diri			275	
4.18	Unsur Rakyat Malaysia yang Memberi Sumbangan Terhadap Keharmonian dan kemakmuran Keluarga, Masyarakat dan Negara.			288	
5.0	Prinsip Pelanggaran			302	
5.1	Proses Keperibadian Puisi Tradisional teks KOMSAS Melalui Citra Masyarakat			402	

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
1.0	Antologi Teks KOMSAS Bagi Seluruh Negara	30
4.1	Kumpulan Puisi Tradisional KOMSAS	150
4.1	Kerelevanan antara Unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Puisi Tradisional KOMSAS	298
5.0	Perlanggaran FPK melalui Tema dalam Pantun	322
5.1	Perlanggaran Tema dalam Syair	351
5.2	Perlanggaran Tema dalam Gurindam	356
5.3	Perlanggaran Tema dalam Seloka	360
5.4	Kerelevanan Tema Puisi tradisional KOMSAS dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	364

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan carayang terpenting untuk pemulihan kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Jika dilihat scenario masyarakat pada hari ini,kita mendapati wujudnya jurang yang besar diantara kepercayaan dengan tingkahlaku.Ia memaparkan seolah-olah kepercayaan dan kelakuan sosial yang berbeza dan tidak dapat dipulihkan

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi lagi. Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia zaman sebelum dan selepas 50 tahun merdeka boleh diperbincangkan melalui Zaman Pra merdeka (sebelumtahun1957), Zaman Pembentukan Sistem (1957-1970), Zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Zaman Dasar PembangunanNegara (1991-2000),dan Zaman DasarWawasan Negara (2001-2010).Pada zamanpra merdeka, pendidikan yang wujud adalah terasing selaras dengan dasar pecah-perintah yang diamalkan oleh penjajah Inggeris.Pada zaman pembentukan system pula,usahaditumpukan untuk membentuk satu sistem pelajaran kebangsaan.Seterusnya, pada zaman Dasar Ekonomi Baru (DEB) pembangunan pendidikan tertumpu kepada masalah ketidakseimbangan dalammasyarakatbagi

mengukuhkanperpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan dan menyediakan peluang pendidikan yang sama untuk semua kaum.

Pada zaman dasar pembangunan negara, asas perundangan bagi pelaksanaan dan dasar perubahan besar telah berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pada zaman dasar wawasan negara, penambahbaikan dan pemantapan dalam aspek sistem, struktur, strategi, pentadbiran, perundangan, dasar dan program pendidikan telah dilakukan dengan mengambil kira pelbagai perubahan dan cabaran abad ke-21 dan era globalisasi.

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, pengajian rendah dantinggi perlu berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. Fokus pembangunan pendidikan termasuklah kepada usaha untuk membangunkan manusia yang memiliki kekuatan diri yang menyeluruh, progresif, kreatif, berwibawa, berpengetahuan, berkemahiran, berketerampilan dan berakhhlak mulia. Fokus ini juga disebut sebagai pembangunan modal insan kelas pertama. Hal ini rentet dari wujudnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (seterusnya FPK). Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi dasar kepada pembentukan sistem dan dasar Pelajaran Kebangsaan seperti termaktub dalam Akta Pelajaran 1961.

Berpandukan kepada FPK, peranannya ialah sebagai penyatu, penyelaras dan penghimpun bagi pelbagai aspek pendidikan yang diistilahkan sebagai pengalaman, aktiviti, pengajaran, individu masyarakat, sistem, nilai dan sebagainya. Justeru, FPK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

merupakan teras dan asas keseluruhan pendidikan di negara ini. Ia merupakan sesuatu yang dirujuk dan dihayati oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan dunia pendidikan.

Dalam kajian ini juga, pengkaji meneliti ciri-ciri insanyang baik hasil dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) pengoperasian Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terkandung dalam sukanan mata pelajaran melalui puisi tradisional Melayu dalam teks komponen Sastera (selepas ini KOMSAS). Melalui ciri-ciri inilah pengkaji membuktikan kerelevanannya Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam puisi tradisional Melayu teks KOMSAS. Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan sistem pendidikan negara ini. Falsafah ini digubal di atas kesedaran bahawa negara perlu mempunyai halal tuju dan matlamat yang benar dan tepat di dalam sistem dan rancangan pendidikannya. Sejauh manakah berkesanannya dan kerelevanannya FPK ini dalam lampu puisi tradisional teks KOMSAS diperlihatkan melalui kajian ini nanti.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Semenjak zaman kemerdekaan sehingga hari ini, sistem pendidikan terus dijadikan wadah dan wahana utama untuk memenuhi tuntutan-tuntutan semasa dan akan datang dalam pembangunan bangsa dan negara. Rentetan perubahan global dan sekitar pula menuntut dasar pendidikan yang mantap dan mempunyai ketahanan dalam keadaan aliran pendidikan yang berubah-ubah. Perubahan dan perkembangan amat pantas yang digerakkan oleh kemajuan pemodenan sains dan teknologi serta ledakan menusuk semua aspek kehidupan dan mempercepat kadar perubahan dalam realiti baharu dunia tiada bersempadan (*borderless world*) ini. Implikasinya terhadap pendidikan adalah jauh lebih serius dan mendalam. Malahan kestabilan dan ketahanan atas pengetahuan juga diancam.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

Lantaran itu, dekad 21 telah memperlihatkan dunia pendidikan pada masa kini mengalami banyak perubahan dan menuntut kepada kemasukan limpahan ilmu sains dan teknologi yang menjadi kecenderungan dalam kalangan pelajar pada masa kini. Namun begitu, pembentukan individu dan bangsa yang memiliki unsur material dan spiritual yang seimbang menuntut ilmu kesusastraan Melayu diajar di peringkat sekolah. Justeru itu, subjek KOMSAS diperkenalkan secara berperingkat pada Mac tahun 2000.

KOMSAS juga bermaksud mengajarkan unsur ilmu kesusastraan Melayu seperti struktur karya, tema, watak, plot, gaya bahasa, amanat, bentuk, teknik, nilai, keindahan, unsur budaya dan sebagainya dalam dua waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Modul Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tingkatan 4 dan 5 (2003). Menurut Izzah Abdul Aziz (2000), penggunaan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah lanjutan kepada Program Berasaskan Kesusasteraan (*Literature-Base-Programmed*) yang dimulakan dari peringkat sekolah rendah. Melalui program ini kesusasteraan kanak-kanak dijadikan sebagai komponen utama untuk mengajar murid membaca dan menulis.

Puisi Melayu ialah satu cabang warisan khas bangsa Melayu. Bentuk puisi tradisional Melayu ada yang bebas dan terikat. Masyarakat Melayu yang sememangnya kreatif dan kritis telah mampu melahirkan beberapa jenis puisi mereka sendiri. Daya imaginasi yang begitu kuat dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi pendorong kepada kelahiran genre puisi yang menjadi lambang kepada kehidupan mereka dahulu kala kepada generasi pada hari ini. Pelbagai cara masyarakat Melayu silam menanggapi keindahan yang dilihat, dirasa dan dialami mereka sendiri. Penelitian dan pengamatan itu kemudiannya mendorong mereka menghasilkan ungkapan yang menarik dan sesetengahnya menjadi pegangan dan adat dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Puisi tradisional Melayu bersifat lisan, diwarisi, dan disebarluaskan melalui tradisilisan. Puisi lisan ini bersifat kolektif dan fungsionalia itu dicipta oleh pengarang yang tidak bernama dan digunakan dalam kehidupan masyarakat. Pertumbuhannya bermula dengan ungkapan-ungkapan yang sederhana susunan dan sebutan yang terutama dari unsur estetikanya. Sebenarnya puisi-puisi ini telah lama berkembang dalam masyarakat Melayu, iaitu sejak zaman orang Melayu belum lagi mengenal sistem huruf dan tulisan. Kebanyakan isi puisi disebut dilafazkan dan dituliskan serta tidak hilang ditelan zaman.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Puisi mementingkan gaya estetika kerana itulah Puisi tradisional Melayu mengandungi unsur-unsur estetik yang semulajadi. Melalui unsur-unsur ini lah penyair menyampaikan pernyataan, fikiran, perasaan, harapan, cita-cita, serta mesej dalam hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat atau dengan alam sekitarnya. Puisi tradisional Melayu juga berperanan menjadi saluran utama dalam proses komunikasi sosiobudaya kehidupan masyarakat.

Salah satu fungsi dan peranan puisi tradisional Melayu ialah sebagai alat pendidikan yang berkesan bagi membentuk peribadi anggun dan individu berakhhlak mulia. Oleh yang demikian, puisi-puisi tradisional ini diperkenalkan dalam sistem

pelajaran di Malaysia. KOMSAS merupakan salah satu bahan sastera yang diajar dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. Terdapat beberapa cabang di dalam teks KOMSAS. Antaranya ialah puisi tradisional, prosa klasik, cerpen, drama, novel dan puisi moden.

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang
kaya dan nilai budaya. Kehidupan yang di dokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, politik, ekonomi, organisasi dan kepercayaan. Sebagaimana dipadankan nilai budaya ini dapat dilihat melalui puisi tradisional teks KOMSAS. Puisi tradisional ini mencerminkan kehidupan sosial sehari-hari masyarakat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajianini mencungkil unsur FPK yang terdapat dalam puisi tradisional teks

KOMSAS dikesannya terhadap kehidupan sosialisme yarakat pengamalnya. Aspek estetikanya bukan hanya terbatas kepada apa yang dipandang oleh mata kasar tetapi dapat juga dilihat melalui maksud tersirat disebalik kata-kata dalam puisi tradisional teks KOMSAS. Selain itu juga kajian ini ingin melihat sejauh mana puisi tradisional teks KOMSAS yang digunakan oleh pelajar dapat membentuk peribadi unggul atau individu yang ingin dilahirkan melalui FPK.

1.3 Permasalahan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Matlamat untuk membentuk individu yang seimbang, bersepada dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dipercayai akan dapat dilahirkan melalui pendidikan bahasa dan kesusastraan. Menyedari hakikat ini, pada 22 Jun 1999, Menteri Pendidikan Malaysia pada masa itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan bahawa semua pelajar sekolah menengah aliran sastera, sains, teknik, vokasional dan agama diwajibkan mempelajari kesusastraan Melayu atau Inggeris. Dengan itu, subjek Komponen Sastera (KOMSAS) dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, bermula dari bulan Mac 2000 untuk tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima.

Pada tahun 2002, KOMSAS diajar kepada semua pelajar sekolah menengah.

Hasilnya calon SPM dinilai pada tahun 2001 manakala calon PMR dinilai pada



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tahun 2002 (Modul Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS tingkatan 4 dan 5 (2004:1). Rentetan itu, beberapa objektif komponen sastera telah dikenal pasti agar pelaksanaannya membawa impak yang positif dalam diri pelajar-pelajar sekolah menengah. Antaranya ialah untuk menerapkan minat membaca pelbagai bahan sastera dalam kalangan pelajar, meningkatkan kemahiran berbahasa, merangsang kemahiran dan mengkritik pelbagai karya sastera dan memupuk semangat mandiri.

SalahsatuunsuryangterkandungdalamFPKadalahfalsafahtentangmanusia

yangberasaskankepada kepercayaankepadaTuhandanagama.Matlamat pendidikan adalah untuk membangunkan semua aspek diri manusia secara harmonis dan seimbang supaya kesepaduan fitrah diri manusia terpelihara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berilmudanberpendidikanharusmenghasilkan budipekertiyang baikdanakhlik yangmulia,sekaligusmenjadiciri-ciriasasiseorangahlikeluarga,masyarakat dan warganegarayangbaik dan terdidik. Dalam kajian ini terdapat tiga permasalahan utama yang dikesan oleh pengkaji :

1.3.1 Pengkaji menganalisis akan kewujudan hubungan 15 unsur FPK dalam pengajaran dan pembelajaran puisi tradisional Melayu KOMSAS.

1.3.2 Pengkaji meneliti tahap keunggulan setiap aspek yang terkandung dalam unsur FPK melalui karya puisi tradisional Melayu KOMSAS.

1.3.2 Adakah kerelevanan lima belas unsur FPK dalam 30 buah puisi Melayu tradisional dapat membentuk rakyat Malaysia yang dicita-citakan?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Dalamkajianini,pengkajiakanmenyelusur lima belas unsur- unsur FPK sama adaterdapat dalam puisi tradisional teks KOMSAS dan selariatau tidakdengansistemaliranpengoperasianFPK supayadapatmewujudkanmasyarakatsepertiyang disasarkanolehFPKsendiri.Nilaiilmuterletak pada kebenarankandunganyang berfungsibukansahajauntukmemaklumkandan menerangkankepadamanusiaakansesuatu,tetapilebihpenting lagiilmu mempengaruhi , mengubah dan membentuk diri sertamasyarakat manusia.

Oleh yangdemikian kajian inimemandangpuisi tradisional Melayu teks KOMSAS merupakananalat pendidikanyang terbaikuntukmasyarakatnya.Intipatidalampuisi tradisional Melayu teks KOMSAS dan matlamatFPK iniadalahsamayakniuntukmelahirkanmasyarakatyangbersatu padu.Namunmungkincaraperlaksanaannyayang berbeza.Dalamkajianinilah pengkajiakanmembuattinjauan tentang keselarian antaraFPK dalampuisi tradisional teks KOMSAS.

Dalam pembelajaran dan pengajaran KOMSAS kepada pelajar, peranan guru adalah penting dalam memberikan pemahaman tentang matlamat KOMSAS dalam bahasa Melayu. Justeru setiap isi dan unsur yang terdapat dalam puisi tradisional Melayu perlu mempunyai aliran yang sama dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.Namun begitu, pengkaji merasakan masih terdapat lompang-lompang yang tidak diisi dengan unsur FPK dalam matapelajaran KOMSAS.maka pengkaji





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

merasakan ini adalah langkah awal untuk pengkaji meneroka hubungan FPK dan puisi tradisional Melayu teks KOMSAS.

1.4 Objektif Kajian

Dalam mengejar sebuah masyarakat yang berorientasikan perkembangan industri berteknologi tinggi, kewujudan masyarakat sebagai manusia semakin dilupakan. Sebagai manusia, kewujudannya terdiri daripada dua unsur iaitu unsur jasmani dan rohani. Kedua-dua unsur tersebut terkandung dalam FPK. Hal tersebut juga berkaitan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kitab Allah SWT dan kitab-kitab tulisan manusia penuh dengan unsur seni yang di dalamnya terkandung ajaran-ajaran yang mendidik manusia ke jalan yang benar. Al-Quran diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui Jibrail, adalah semata-mata untuk memberikan petunjuk kepada manusia. Begitu juga dengan karya-karya sastera tulisan manusia ini. Setiap bait kata mengandungi ajaran moral untuk panduan manusia. Setiap karya puisi tradisional Melayu yang digunakan dalam teks KOMSAS mengandungi nilai moral yang perlu diketahui oleh guru dan diajar kepada pelajarnya. Oleh yang demikian objektif kajianini adalah untuk:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.4.1 Menilai keunggulan lima belas unsur FPK dalam 30 buah puisi tradisional

Melayu teks KOMSAS melalui kehadiran.

1.4.2 Menganalisis kerelevanan 30 buah puisi tradisional Melayu yang digunakan dalam teks KOMSAS diperangkat sekolah menengah. Hal ini akan dikaji melalui nilai murni dan tema yang digunakan dalam puisi-puisi tradisional Melayu tersebut.

1.4.3 Membuktikan kesan hubungan unsur yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Puisi Tradisional Melayu KOMSAS.

1.5 SoalanKajian



Hasildarikajianyang akandibuatolehpengkajiinianti,beberapadapatankajian akan dikenalpastioleh pengkaji. Antaranyaialah:

1.5.1 Adakah wujud keunggulan lima belas unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam 30 buah puisi tradisional KOMSAS melalui prinsip kehadiran?

1.5.2 Apakah 30 buah puisi tradisional KOMSAS relevan digunakan sebagai bahan teks KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran diperangkat sekolah menengah?

1.5.2 Apakah kesan kewujudan hubungan antara unsur FPK dan puisi tradisional KOMSAS?



1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian yang berjudul “Unsur Falsafah Pendidikan dalam Puisi Tradisional KOMSAS” ini pengkaji telah membataskan kajian kepada beberapa aspek tersebut:

- 1.6.1 Lima belas unsur yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- 1.6.2 Tiga puluh buah puisi tradisional Melayu yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Pengkaji tidak mengambil keseluruhan teks asal kerana kajian ini memberi tumpuan khusus kepada puisi yang diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.
- 1.6.3 Empat aspek dalam teori teksdealisme iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Melalui aspek FPK, pengkaji telah menyenaraikan lima belas unsur yang terkandung dalam FPK sendiri. Semua unsur tersebut akan dihubungkaitkan dengan tiga puluh buah puisi tradisional Melayu yang telah disusun dalam teks KOMSAS tingkatan satu hingga lima. Selain itu juga, teori teksdealisme akan digunakan sebagai kayu ukur untuk mencari kehadiran lima belas unsur FPK dalam tiga puluh buah puisi tradisional Melayu. Pengkaji hanya membataskan kepada genre puisi tradisional yang terdapat dalam teks KOMSAS sahaja iaitu Syair, Seloka, Gurindam dan Pantun. Namun begitu, semua teks KOMSAS yang digunakan oleh semua